

30 JUN 2000

Nik Aziz-Restoran

TIADA BUKTI RESTORAN BERASINGAN MEMENCILKAN ANTARA KAUM

KOTA BAHARU, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tiada bukti menunjukkan restoran berasingan antara orang Islam dan bukan Islam boleh memisahkan rakyat kepada beberapa kumpulan kecil.

Beliau berkata Kelantan telah lama mengadakan peraturan seperti itu dan sehingga sekarang tiada apa-apa masalah yang berbangkit dan ditimbulkan mana-mana pihak.

"Kalau hendak minum arak ada kedai khas yang disediakan begitu juga kalau orang bukan Islam mahu membeli daging khinzir (babi) terdapat kedai-kedai tertentu yang diluluskan menjualnya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah Jumaat di pejabat PAS di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa cadangan Nik Aziz supaya diwujudkan restoran berasingan orang Islam dan bukan Islam itu tidak akan membantu menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Langkah melakukan pengasingan sedemikian hanya akan memisahkan rakyat kepada beberapa kumpulan kecil, kata Dr Mahathir.

Nik Aziz berkata peraturan itu sama seperti larangan merokok di tempat awam, hospital dan pejabat-pejabat kerajaan yang dikenakan oleh kerajaan pusat yang kini berjaya mengurangkan jumlah bilangan mereka yang menghisap rokok.

Selagi terdapat orang Islam dan bukan Islam di dunia ini secara automatik ada tempat-tempat dan perkara-perkara tertentu yang menjadi larangan dan tidak boleh disamakan, katanya.

"Kalau hendak suruh bersatu belaka hanya melalui Islamlah baru boleh menyatu semua kaum. Kalau satu benda (yang ada) dua macam seperti lelaki dengan perempuan yang berlainan jenis, kalau hendak suruh orang lelaki beranak mana boleh," katanya.

Ketika menyampaikan kuliah berkenaan, Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS turut menyentuh mengenai isu bangsa lain menjadi perdana menteri Malaysia.

Soal bangsa mana akan menjadi perdana menteri Malaysia pada masa depan tidak timbul, apa yang lebih penting bagi PAS ialah seseorang itu mesti beragama Islam, katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri dua minggu lepas mengenai kemungkinan orang bukan Melayu boleh memegang jawatan Perdana Menteri pada masa depan kerana tiada halangan dalam perlembagaan negara.

-- BERNAMA

WM RON